

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah kejadian jerebu akan menjasaskan pengeluaran sarang burung layang-layang di negara

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, burung layang-layang dan burung walit adalah merupakan dua (2) jenis burung yang berbeza. Perbezaan kedua-dua jenis burung tersebut adalah seperti berikut: -

- i. burung layang-layang menghasilkan komponen sarang burung dari rumput, ranting dan bulu; dan sarangnya tidak boleh dimakan oleh manusia; dan
- ii. burung walit pula menghasilkan komponen sarang burung dari rembesan air liurnya; dan sarangnya boleh dimakan oleh manusia;

2. Industri sarang burung walit merupakan salah satu industri bernilai tinggi yang diberikan tumpuan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Dalam konteks ini, kejadian jerebu yang menyebabkan pencemaran udara sememangnya memberi kesan negatif kepada industri. Antara kesannya adalah:

SOALAN NO : 5

- i. burung walit kekurangan sumber bekalan makanan apabila serangga yang menjadi makanannya berkurangan;
 - ii. sumber makanan yang kurang menyebabkan burung walit kurang menghasilkan air liur bagi penghasilan sarang; dan
 - iii. jumlah pengeluaran dan kualiti sarang yang dihasilkan akan terjejas.
3. Dalam pada itu, sekiranya berlaku kejadian jerebu yang serius, ia dijangka akan memberi kesan yang panjang kepada industri kerana burung walit secara semulajadinya akan berhijrah (*migrate*) ke kawasan yang kurang pencemaran.

Sekian, terima kasih.